

Satu lambang pakatan pembangkang sukar

KOTA BAHRU 2 Jun - Pakatan pembangkang melalui barisan alternatif tidak mungkin dapat menggunakan hanya satu lambang dalam pilihan raya umum akan datang kerana jumlah parti yang terlibat kecil.

Pengarah Pilihan Raya Pas, Datuk Mustafa Ali berkata, meskipun cadangan itu dibangkitkan, ia sukar dilaksanakan kerana tidak memenuhi syarat yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

Katanya, bagi membolehkan pemakaian satu lambang, SPR telah menetapkan ia mesti melibatkan sekurang-kurangnya tujuh parti dalam gabungan.

"Kalau dua tak cukup, melainkan kita dapat kumpul tujuh, mungkin kena tubuh banyak parti lagi untuk cukupkannya. Ada pihak yang nak tubuh parti yang lebih mesra dengan kita pun, belum dapat kelulusan pendaftaran," ujarnya.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita pada sidang akhbar bersama Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang semasa sesi rehat Muktamar Tahunan Pas ke-53 di Pusat Tarbiyah Islamiah, Kelantan (Putik) di sini, hari ini.

Menyentuh mengenai persediaan menghadapi pilihan raya termasuk soal calon, Mustafa berkata, senarai nama calon telah diminta dari setiap negeri dan sebilangannya telah diterima.

Katanya, jentera Pas telah diletakkan dalam keadaan bersiap sedia tetapi beliau tidak menolak kemungkinan beberapa peraturan baru diwujudkan menjelang pilihan raya dan ia akan menyulitkan keadaan.

Menurut beliau, Pas tetap percaya tarikh pilihan raya umum akan datang tidak akan melepasi bulan April tahun depan.

Beliau menjangkakan dengan beberapa perkembangan terbaru, pilihan raya akan diadakan pada penghujung tahun ini iaitu selepas Hari Raya selepas beberapa langkah yang menggembirakan rakyat dilakukan oleh kerajaan.

"Sebelum itu kerajaan akan membentangkan Bajet di samping kemungkinan akan turut menurunkan harga minyak," katanya.

SEBAHAGIAN daripada perwakilan Pas yang menghadiri Muktamar Tahunan Pas ke-53 di Pusat Tarbiyah Islamiah Kelantan, semalam.

